

**Dewan Rakyat: Tan Seng Giaw Puji Usaha Perdana Menteri Tubuh PSC  
Bernama  
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Usaha Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya mendapat pujian seorang anggota pembangkang di Dewan Rakyat.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) berkata usaha itu merupakan satu tindakan yang baik dan sememangnya menepati matlamat melihat sistem pilihan raya di negara ini bebas, adil dan saksama.

Tan Seng Giaw juga menyatakan rasa puas hatinya dengan komitmen yang ditunjukkan Perdana Menteri untuk memastikan setiap kemenangan yang diperoleh parti-parti sama ada Barisan Nasional (BN) atau sebaliknya pada pilihan raya umum akan datang, diperoleh dengan cara yang betul dan bukan melalui penyelewengan.

"Perdana Menteri sendiri memberitahu motif beliau menubuhkan PSC adalah untuk menyaksikan proses pilihan raya dijalankan secara bebas, adil dan saksama kerana beliau tidak mahu menang secara menyeleweng.

"Saya seronok betul apabila saya mendengar kenyataan Perdana Menteri yang mana beliau mahu perjalanan pilihan raya di negara kita dijalankan secara bersih dan itu memang baik," katanya ketika membahaskan Pertimbangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Terdahulu, Tan turut mengakui sebahagian daripada syor yang terdapat di dalam laporan akhir PSC yang dibentangkan pada Selasa lepas, adalah munasabah dan sewajarnya dilaksanakan terutama oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Beliau juga yakin syor-syor tersebut boleh dikuatkuasakan dalam tempoh yang terdekat.

"Cuma saya tidak tahu sama ada SPR mempunyai semangat untuk menguatkuasa dan melaksanakan semua syor ini kerana saya diberitahu bahawa pada awalnya SPR tidak begitu berminat untuk menerima syor-syor ini.

"Itu yang saya dengar. Sama ada benar atau tidak saya hendak dengar daripada pihak SPR," katanya.

Sementara itu, Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) yang bangun mencelah meminta agar Anggota Parlimen Kepong itu tidak mendengar khabar angin berkaitan proses pilihan raya di negara ini.

Ketika berbahas perkara yang sama beliau juga meminta satu lagi jawatankuasa pilihan khas baru ditubuhkan bertujuan memantau pelaksanaan syor-syor yang diputuskan oleh PSC seperti mana tercatat di dalam laporan jawatankuasa berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657295>